

PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR SDN BHD (874168-M)
(Anak Syarikat Milik Penuh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor)

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) mengikut syarat-syarat pendaftaran yang berkaitan untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan kerja-kerja berikut:-

TAJUK PROJEK	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH & MASA LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP & HARGA DOKUMEN	TEMPAT LAWATAN TAPAK, PENJUALAN, DAN SERAHAN DOKUMEN
<p>Kerja-Kerja Membekal Dan Memasang Jeriji Keselamatan (Grill), Lampu dan Kipas Serta Yang Berkaitan Dengannya Di Dalam 50 Unit Rumah Pangsapuri Azaria, Bandar Parklands, Klang, Selangor.</p> <p>No. Sebutharga :- Bil(02)PHSSB/BPL/2018</p>	<p>Berdaftar Dengan CIDB & Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor</p> <p>Gred: G2</p> <p>Kategori : CE Pengkhususan: CE21 (Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam)</p>	<p><u>Tarikh Lawatan Tapak</u> 26hb Jun 2018 (Selasa)</p> <p><u>Masa</u> 10:00 Pagi</p>	<p><u>Tarikh Tutup</u> 03 Julai 2018 (Selasa 12.00 Tengahari)</p> <p><u>Harga Dokumen</u> RM50.00 setiap satu (Tidak akan dikembalikan)</p> <p><i>[Dalam bentuk wang tunai]</i></p>	<p><u>Tempat Lawatan Tapak & Penjualan Dokumen</u> Pangsapuri Azaria, Jalan Delima 9/KS09, Bandar Parklands, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan.</p> <p><u>Serahan Dokumen</u> Perumahan Dan Hartanah Selangor Sdn Bhd Tingkat 5, Podium Utara, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40503 Shah Alam</p>

NOTA DAN PERINGATAN

- Borang sebutharga dijual secara tunai pada harga **RM50.00** setiap satu mulai **26hb Jun 2018 bermula jam 10:00 Pagi** dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.
- Setiap syarikat hanya layak membeli **SATU (1)** borang sebutharga sahaja dan **DIWAJIBKAN** membawa **surat perwakilan kuasa daripada pemilik, salinan sijil pendaftaran CIDB dan salinan sijil pendaftaran UPEN yang belum tamat tempoh serta membawa cop syarikat semasa lawatan tapak dan pembelian dokumen sebutharga.**
- Penyebutharga **DIWAJIBKAN** menghadiri lawatan tapak seperti yang telah dijadualkan bagi memenuhi **SYARAT WAJIB** penyertaan sebutharga.
- Dokumen Sebutharga yang telah diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat **BERLAKRI** dan **BERTANDA** dengan tajuk kerja dan nombor sebutharga berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga sebelum atau pada **jam 12.00 tengahari 03 Julai 2018** di alamat :-

PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR SDN BHD

Tingkat 5, Podium Utara
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

- Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Puan Helmi Liana/ Cik Aerin Armira di talian 03-55240253.
- PHSSB tidak terikat untuk menerima sebutharga terendah atau sebarang sebutharga atau memberi apa-apa sebab sesuatu sebutharga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebutharga ini.

Disediakan oleh


Aerin Armira Binti Nor Azam
Eksekutif Pentadbiran dan
Sumber Manusia

Disemak oleh,


Helmi Liana Binti Yusof
Eksekutif Penilaian dan
Pengurusan Harta

Disahkan oleh,


Wan Mohd Fadzli Bin Mohd Yusoff, A.N.S
Pemangku Pengurus Besar